



**TEKS UCAPAN
PERHIMPUNAN BULANAN RISDA
BIL 10/2014**

OLEH

**Y.BHG DATO' SRI HAJI WAN MOHAMAD ZUKI BIN HJ MOHAMAD
PENGERUSI DAN KETUA PENGARAH RISDA**

**AUDITORIUM SULTAN AHMAD SHAH
IBU PEJABAT RISDA
28hb November 2014 (Jumaat)
Bersamaan 5 Safar 1436H
9.00pagi**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikumwarohmatullahiwabarokatuh, Salam Sejahtera dan
Salam 1 Malaysia.

Terima kasih Pn.Nor Farihan bt. Idris Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Dato' Mohamat Muda
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

Yang Berbahagia Encik Mohamed Alang bin Abdul Hamid
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Korporat)

Yang Berbahagia Datuk Kamaruddin Mohamed Shah
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RISDA Holdings

Yang Berusaha En. Mad Jais bin Che Yem
Pengarah Bahagian Inspektorat dan Audit Dalam (BIAD)
selaku hos Perhimpunan Bulanan pada hari ini.

Yang Berusaha Pengarah - Pengarah Bahagian.

Yang Berusaha Ketua - Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Milikan
RISDA (SMR).

Seterusnya Datuk, Tuan-Tuan, Puan-Puan, Warga RISDA dan Syarikat
Milikan RISDA Yang Dikasihi Sekalian.

3

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT di atas limpah izinNya dipertemukan kita sekali lagi dalam Majlis Perhimpunan Bulanan RISDA Kali Ke 10 Tahun 2014 yang dianjurkan oleh Bahagian Inspektorat dan Audit Dalam (BIAD).
2. Perhimpunan yang diadakan secara bulanan ini bukan sahaja menghimpunkan satu keluarga besar yang menggalas amanah ke arah RISDA perkasa, bahkan perhimpunan ini membolehkan kita melihat dan menilai kembali prestasi – prestasi masing – masing selaku warga RISDA sepanjang tahun 2014, supaya boleh diperbaiki tahun ini bagi persiapan menghadapi tahun 2015.

4

3. BIAD merupakan bahagian yang bertanggungjawab dalam melaksanakan **penguatkuasaan** peraturan yang telah ditetapkan oleh pengurusan RISDA dipatuhi dan dilaksanakan di semua peringkat. Hasil penemuan Biad bersama dengan syor dan cadangannya dapat membantu pengurusan RISDA bagi merangka kaedah penambahbaikan/pembetulan ke atas isu atau masalah yang ditemui. Pemeriksaan/Auditan BIAD dilaksanakan meliputi ke atas semua program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh RISDA dan SMR mengikut jadual tahunan yang telah ditetapkan.

5

4. Untuk makluman, pada masa ini BIAD dianggotai seramai 46 orang pegawai dan kakitangan yang terdiri daripada 5 Unit :

- i. Unit Inspektorat yang diketuai Tn. Hj. Rooslan Bin Gazali (G48)
- ii. Unit Audit Ladang yang diketuai Tn. Hj. Abu Bakar Bin Abdullah(G48)
- iii. Unit Audit Kewangan yang diketuai Pn. Hjh. Kamarul Aini Bt Awang Ansari (W48)
- iv. Unit Audit Pengurusan yang diketuai Tn. Hj. Tamby Chik Bin Salleh (N44)
- v. Unit Pentadbiran & Kewangan yang diketuai En. Muhammad Hilmi Bin Sulaiman (L41)

6

Datuk, Tuan – tuan dan Puan – Puan yang dihormati sekalian.

5. Harapan saya agar semua warga BIAD secara khususnya dan RISDA amnya perlu menerapkan amalan perkhidmatan yang berintegriti, produktif dan mesra pelanggan. Dengan itu dapat membantu dalam memenuhi aspirasi RISDA untuk menguruskan persepsi, mengukuhkan produktiviti ke arah RISDA perkasa.

7

6. Saya mengambil tanggungjawab untuk membantu mengatasi isu-isu dan teguran audit yang dibuat oleh Jabatan Audit Negara. Untuk tujuan itu pihak pengurusan RISDA akan memberi tambahan kakitangan ke Bahagian Inspektorat dan Audit Dalam (BIAD) bagi memastikan fungsi BIAD dapat diperluaskan dan dapat menjalankan peranan auditan dengan tepat, sistematik dan terkehadapan.
7. Dengan penambahan kakitangan di BIAD, saya berhasrat untuk meluaskan skop pengauditan di BIAD perlulah diluaskan agar semua siasatan dapat berjalan dengan tepat, cepat dan lancar.

8

UNIT PEMATUHAN

8. Tanggungjawab BIAD bukan hanya tertakluk kepada pelaksanaan Auditan terhadap sahaja. BIAD juga bertanggungjawab untuk memastikan adanya pematuhan oleh pihak yang diaudit terhadap hasil penemuan dan syor auditan yang telah dibuat.
9. Sehubungan itu, Saya mencadangkan agar ditubuhkan satu Unit Pematuhan di bawah BIAD yang berfungsi untuk membuat pemantauan terhadap aspek-aspek pematuhan sebagai tindakan susulan selepas proses auditan dibuat oleh kakitangan di BIAD. Ini bagi memastikan BIAD berada di landasan yang lebih kukuh, berdaya saing dan berdaya maju, serta proses tranformasi RISDA berjalan lancar .

9

LAPORAN JAWATAN KUASA AUDIT RISDA (JAR)

Tuan – tuan dan Puan – Puan yang dihormati sekalian,

10. Laporan Jawatankuasa Audit RISDA (JAR) sepanjang tahun 2013 dan 2014 telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam melaksanakan tanggungjawab dan perancangan yang telah dirangka dalam program auditan.
11. Di bawah program Tranformasi RISDA teguran dan juga cadangan daripada BIAD telah diberi perhatian serius oleh pengurusan RISDA. Dengan itu, saya menekankan bahawa pemantauan perlu dijalankan secara berterusan bagi memastikan RISDA berada di

tahap yang cemerlang bebas dari isu - isu pembaziran dan juga ketirisan.

12. Pelaksanaan Program Pengauditan BAID setakat November 2014:
 1. Inspektorat
 - i. Semakan Pelaksanaan Bimbingan dan Latihan GAP
 - ii. Semakan Pengurusan Tanam Semula, Bimbingan dan Latihan GAP
 2. Unit Audit Ladang – Prestasi Produktiviti TSK
 3. Unit Audit Pengurusan – Keberkesanan Khidmat Pengangkutan RISDA Fleet Sdn Bhd
 4. Unit Audit Kewangan
 - i. Pengurusan Kewangan & Akaun PT RISDA
 - ii. Pengurusan wang Runcit dan Tuntutan Perjalanan

11

13. Siasatan Khas:

- ii. Kehilangan Lembu ESPEK Livestok Sdn Bhd (Perak & Johor)
- iii. Pengurusan Kenderaan Rasmi RISDA (Ibu Pejabat)
- iv. Keberkesanan Pusat Timbang Stor (PTS) dan Depo- Semua PT
- v. Pengurusan Perolehan Pembaikan dan Menaik Taraf RISTEC
- vi. Program Bantuan Khas Kejatuhan Harga Getah- Semua PT

12

14. Perancangan Program Pengauditan BIAD Tahun 2015:

1. Inspektorat
 - i. Semakan Pengurusan Tanam Semula, Bimbingan dan Latihan GAP
 - ii. Semakan Perlaksanaan dan Pematuhan Program PPG dan SIPG
2. Unit Audit Ladang
 - i. Pengurusan Tanam Semula Berkolompok (Pembangunan & Produktiviti)
 - ii. Prestasi Ladang & Pemasaran Hasil; Ladang yang di Uruskan ESPEK dan RPSB

13

3. Unit Audit Pengurusan
 - i. Keberkesanan Perlaksanaan Pusat Timbang dan Stor (PTS) Serta Impaknya Kepada Pekebun Kecil
 - ii. Perlaksanaan dan Pengurusan Pelbagai Jenis Cuti Staf RISDA di PT
4. Unit Audit Kewangan
 - i. Pengurusan Kewangan & Akaun PT RISDA
 - ii. Susulan Pengurusan Kewangan & Akaun PT RISDA

14

SIASATAN KHAS

15. Siasatan khas akan diteruskan dari masa ke semasa kerana kesannya positif dengan dapat membantu pengurusan RISDA menyelesaikan permasalahan yang berlaku di lapangan. Sebagai contoh laporan kehilangan lembu di ESPEK Livestoks, Pembinaan dan Penyeleggaraan RISTEC, Pengurusan Kenderaan Rasmi RISDA, Keberkesanan pembinaan PTS dan Depo dan Auditan pemurnian permohonan BKKH.

15

16. Hasil laporan BIAD tersebut beserta dengan cadangan dapat membantu pengurusan RISDA bagi memperbaiki kelemahan samada dari segi peraturan pejabat atau pegawai yang berkaitan.

17. Justeru saya berharap prestasi seperti ini dikekalkan agar tidak berlaku pembaziran dan juga ketirisan serta dapat mengurangkan teguran dari Pihak Jabatan Audit Negara ke atas RISDA dengan penemuan penambah baikan yang telah dijalankan.

16

PENYAMPAIAN DIPERKUKUHKAN

Hadirin dan hadirat sekalian,

18. Dengan kerjasama Suruhjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) dan kerjasama dengan agensi lain di bawah KKLW. Semua peringkat harus memainkan peranan dengan penuh tanggungjawab dan membuat pemantauan dengan paling baik bagi melahirkan warga RISDA yang berintegriti.
19. Tanggungjawab warga BIAD penting untuk memastikan peraturan dan tatacara RISDA dipatuhi oleh semua warga RISDA. Sehubungan itu, memperkasakan perkhidmatan RISDA sehingga bertaraf dunia sebagai satu strategi RISDA ke arah RISDA Perkasa.

17

Bagi merealisasikan hasrat ini, peranan Bahagian Inspektorat dan Audit Dalam (BIAD) adalah amat penting untuk menyemak semula segala tatacara, AKP dan Pekeliling - Pekeliling dipatuhi dan berjalan lancar bagi mengurangkan perbelanjaan yang tidak perlu.

20. Bagi memperkasakan RISDA kita telah mengambil staf lantikan baru seramai 44 staf terdiri daripada : Gred 41 : 22 orang staf, Gred 27 : 8 orang staf dan Gred 17: 14 orang staf . Kita juga telah memberi kenaikan pangkat kepada 254 staf selepas diputuskan dalam Mesyuarat Penjawatan Bil 101 dan 102 Tahun 2014. Ini termasuk 101 dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 154 Sokongan.

18

21. PENUTUP

Akhir kata , marilah kita sama – sama berdoa agar diberikan kesihatan yang baik supaya segala amanah dan juga usaha yang akan kita lakukan pada tahun 2015 ini dipermudahkan oleh Allah Subhanahuwata'ala. Bersama kita beriktizam untuk kekal dalam satu pasukan seperti mana mutiara kata saya dalam amanat pengurusan 2014 “ **Kalau Kita Bekerjasama,Kita Menang Semua; Kalau Kita Bersaing, Kita Menang Satu**”. Semua pihak akan mendapat faedah sekiranya bekerjasama untuk mencapai Impian RISDA.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.
Terima kasih.